MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

Festival IDEA Putrajaya

HARI 5
DAY 5

TARIKH/ *DATE*:
8 NOVEMBER 2025

MADANI: Melakar Masa Depan, Merealisasikan Idea
MADANI: Shaping The Future, Turning Ideas Into Reality



ASEAN MALAYSIA 2025
KEPERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN

MALAYSIA MADANI
daya cipta

Visit Malaysia 2026
Truly Asia

Isi Kandungan

Table of Contents

4 Konsert *Sounds of Malaysia*
Sounds of Malaysia Concert

SIDANG EDITORIAL - HARI KELIMA

PELAPOR

Wan Faizatul Azirah binti Ismayatim
Siti Norhafiza binti Jasni
Ummi Nadrah binti Mohd Shah
Nor Aidatul Aini binti Ismadi
Nur Ika Anthasha binti Zainol Abidin
Halimah binti Jamaludin

EDITOR

Prof. Dr. Harshita Aini binti Haroon
Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah
Puan Azura binti Mohd Nor
Encik Ahmad Shakirin bin Zainal Abidin



Konsert *Sounds of Malaysia*

Dewan Plenari, PICC



Konsert *Sounds of Malaysia* yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) berjaya menarik lebih 3,000 penonton, sekali gus melabuhkan tirai penganjuran Festival Idea Putrajaya 2025 (Putrajaya FOI 2025) dengan penuh gilang-gemilang.

Acara ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), YBhg. Datuk Profesor Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, serta Dr. Shamsuri Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, bersama barisan pegawai kanan kementerian, pengurusan institusi pendidikan tinggi dan penggiat seni negara. Kehadiran tokoh-tokoh ini memperlihatkan komitmen KPT dalam memartabatkan seni dan warisan budaya dalam ekosistem pendidikan tinggi.

Konsert *Sounds of Malaysia* merupakan program kolaborasi antara Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Istana Budaya melalui Orkestra Tradisional Malaysia (OTM), yang telah menjadi platform utama dalam memartabatkan muzik tradisional sejak penubuhannya pada tahun 2010. Persembahan menampilkan penggunaan alat muzik tradisional seperti gambus, sape, serunai, gamelan, dizi, guzheng, tabla, chaklempong dan gendang Melayu, menggambarkan kepelbagaian budaya Malaysia dalam satu persembahan berharmoni dan beridentiti nasional.







Konsert ini diserikan oleh persembahan vokal tiga penyanyi profesional tanah air, iaitu Aina Abdul, Khai Bahar dan Liza Hanim. Mereka mempersembahkan rangkaian lagu tradisional, balada dan kontemporari dengan susunan orkestra yang memperhalusi ekspresi seni dan kekuatan vokal, sekaligus mengangkat nilai keindahan muzik tradisional dalam bentuk kontemporari yang segar dan memukau.Lebih istimewa, konsert ini turut melibatkan lebih 180 mahasiswa daripada lebih 15 universiti awam dan swasta sebagai penyanyi, penari, pemuzik muda, ahli koir dan tenaga sokongan produksi pentas. Penglibatan aktif mahasiswa ini memperlihatkan kesinambungan pembangunan bakat dan melatih generasi pelapis dalam konteks pengalaman persembahan sebenar, bukan sekadar latihan akademik di bilik kuliah. Manakala lebih 40 pemuzik profesional OTM turut terlibat dalam produksi ini, menjadikan pentas konsert sebagai ruang interaksi seni antara generasi berpengalaman dan bakat muda. Dengan lebih 22 segmen persembahan yang dipersembahkan, program ini berjaya menunjukkan kedalaman tradisi seni muzik negara dan nilai simbolik perpaduan melalui persembahan kolektif.

Sepanjang konsert berlangsung, para penonton turut dihidangkan dengan rangkaian lagu yang dipersembahkan dengan penuh penghayatan dan ketelitian vokal. Liza Hanim membuka segmen artis dengan lagu-lagu bernuansa emosi seperti Merawat Luka dan Gelisah Mimpi, sebelum memukau penonton melalui persembahan bertenaga Zapin Bunga Hutan bersama penari Artistana yang menonjolkan keanggunan seni tari Melayu.

Persembahan diteruskan dengan suara lunak Khai Bahar yang mendendangkan seleksi lagu popular seperti Luluh dan Bayang, diikuti lagu Bimbang Serumpun dan Kasih yang menampilkan keharmonian vokal dan orkestra secara seimbang.

Sementara itu, Aina Abdul mencuri tumpuan dengan kekuatan vokalnya dalam lagu Jangan Mati Rasa Itu, Sesaat dan Kamu, yang dibawakan dengan interpretasi emosional serta kawalan vokal bertenaga. Persembahan kemuncak menyaksikan kolaborasi Aina Abdul dan Khai Bahar menerusi lagu duet Nafas Cinta, yang menjadi antara momen paling berkesan pada malam tersebut.





Tidak kurang hebatnya, para mahasiswa daripada universiti awam dan swasta turut menampilkan persembahan yang gah dan berkualiti, antaranya melalui nyanyian Lagu Zaman, Getaran Jiwa, *Million Dreams,* Ghazal Untuk Rabiah, Lagu Cinta Lagu Jiwa dan segmen koir Roar yang dipersembahkan oleh Koir UiTM. Kesemua persembahan ini bukan sahaja memperlihatkan ketepatan vokal, malah mengangkat kematangan persembahan seni pentas mahasiswa apabila digandingkan bersama pemuzik profesional OTM.

Konsert pada malam tersebut turut disusuli dengan segmen penghormatan khas kepada Allahyarham Mohd Yazid Zakaria, Pengarah Muzik dan Konduktor Orkestra Tradisional Malaysia yang menjadi tunjang utama dalam perkembangan muzik tradisional moden negara. Sepanjang lebih 15 tahun menerajui OTM, Allahyarham bukan sahaja memperkasa identiti muzik kebangsaan di pentas tempatan, malah turut mengangkat nama Malaysia ke persada antarabangsa melalui festival, pertukaran budaya dan kolaborasi seni serantau. Sebagai tanda penghargaan atas jasa dan legasi beliau, para mahasiswa dari universiti awam dan swasta mempersembahkan lagu 'Musafir Rindu', sebuah karya yang sarat nilai emosional dan kerinduan, yang digubah semula dalam susunan orkestra tradisional. Alunan melodi dan vokal para pelajar yang penuh penghayatan itu menghadirkan suasana sayu dan menyentuh hati, sehingga ramai penonton tidak mampu menahan sebak.Persembahan tersebut bukan sekadar sebuah nyanyian, tetapi menjadi simbol kasih, hormat dan terima kasih mendalam terhadap seorang tokoh seni yang telah membuka jalan dan membina sebuah legasi yang kini dinikmati generasi baharu.

Sepanjang berlangsungnya konsert, audiens bukan hanya sekadar menikmati persembahan muzik, tetapi turut merasai pengalaman perpaduan melalui seni. Setiap alunan, setiap nyanyian dan setiap langkah tari memperlihatkan kehalusan budaya dan semangat harmoni antara kaum, agama dan wilayah yang membentuk Malaysia sebagai sebuah negara beridentiti unik.

Sebagai acara penutup Festival Idea Putrajaya 2025, konsert ini berjaya membawa mesej bahawa seni adalah bahasa penyatuan yang mampu menembusi sempadan perbezaan. Dalam konteks pembinaan masyarakat berbudaya tinggi, Sounds of Malaysia membuktikan bahawa warisan seni bukan hanya nostalgia, tetapi satu kekuatan masa kini dan masa depan yang perlu terus dipelihara dan diketengahkan.
Konsert ini bukan sahaja berjaya menghiburkan, tetapi juga menzahirkan penghargaan terhadap nilai kemanusiaan, warisan dan kebijaksanaan kolektif bangsa, menjadikannya penutup festival yang penuh nilai dan bermakna.

Sounds of Malaysia Concert

Plenary Hall, PICC



The Sounds of Malaysia Concert, held at the Plenary Hall, Putrajaya International Convention Centre (PICC), successfully attracted over 3,000 spectators, bringing the Putrajaya Festival of Ideas 2025 (Putrajaya FOI 2025) to a spectacular close.

The event was also attended by YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim, Secretary-General of the Ministry of Higher Education (MOHE), YBhg. Datuk Profesor Dr. Azlinda Azman, Director-General of Higher Education, and Dr. Shamsuri Abdullah, Director-General of the Department of Polytechnic and Community College Education, along with senior ministry officials, management of higher education institutions, and national arts practitioners. The presence of these figures demonstrated MOHE's commitment to upholding arts and cultural heritage within the higher education ecosystem.

The Sounds of Malaysia Concert was a collaborative programme between the Ministry of Higher Education (MOHE) and Istana Budaya (Palace of Culture) through the Malaysian Traditional Orchestra (OTM), which has been a primary platform for championing traditional music since its establishment in 2010. The performance featured traditional musical instruments such as the *gambus, sape, serunai, gamelan, dizi, guzheng, tabla, chaklempong,* and *gendang Melayu* (Malay drum), illustrating Malaysia's cultural diversity in a harmonious performance imbued with national identity.







The concert was graced by vocal performances from three of the nation's professional singers: Aina Abdul, Khai Bahar, and Liza Hanim. They performed a medley of traditional, ballad, and contemporary songs with orchestral arrangements that refined their artistic expression and vocal power, elevating the beauty of traditional music in a fresh and captivating contemporary form.

Even more special, the concert also involved over 180 students from more than 15 public and private universities as singers, dancers, young musicians, choir members, and stage production support crew. This active student involvement demonstrated the continuity of talent development, training the next generation in the context of real performance experience, not just academic training in lecture halls. Furthermore, over 40 professional OTM musicians were involved in the production, turning the concert stage into a space for artistic interaction between the experienced generation and young talent. With more than 22 performance segments, the programme successfully demonstrated the depth of the nation's musical arts tradition and the symbolic value of unity through collective performance.

Throughout the concert, the audience was treated to a series of songs performed with deep feeling and vocal precision. Liza Hanim opened the artist segment with emotionally nuanced songs like *Merawat Luka* and *Gelisah Mimpi*, before captivating the audience with an energetic performance of *Zapin Bunga Hutan* alongside the Artistana dancers, which highlighted the elegance of Malay dance art.

The performances continued with the smooth voice of Khai Bahar, who sang popular selections such as *Luluh* and *Bayang*, followed by the songs *Bimbang Serumpun* and *Kasih*, which featured a balanced harmony of vocals and orchestra.

Meanwhile, Aina Abdul stole the spotlight with her vocal strength in the songs *Jangan Mati Rasa Itu*, *Sesaat*, and *Kamu*, which were delivered with emotional interpretation and powerful vocal control. The highlight performance saw a collaboration between Aina Abdul and Khai Bahar through the duet *Nafas Cinta*, which became one of the most memorable moments of the night.





No less impressive, the students from public and private universities also delivered magnificent and high-quality performances, including songs like *Lagu Zaman, Getaran Jiwa, Million Dreams, Ghazal Untuk Rabiah, Lagu Cinta Lagu Jiwa*, and a choir segment of Roar performed by the UiTM Choir. All these performances not only demonstrated vocal precision but also highlighted the maturity of the students' stage craft when paired with the professional musicians of OTM.

The concert that night also featured a special tribute segment to the late Mohd Yazid Zakaria, the Music Director and Conductor of the Malaysian Traditional Orchestra, who was a pillar in the development of the nation's modern traditional music. Over the 15 years he led the OTM, he not only strengthened the national musical identity on local stages but also elevated Malaysia's name on the international stage through festivals, cultural exchanges, and regional arts collaborations. As a tribute to his service and legacy, students from public and private universities performed the song *Musafir Rindu* a work laden with emotional value and longing, rearranged for a traditional orchestra. The students' soulful melody and vocals created a melancholic and touching atmosphere, moving many in the audience to tears. The performance was not just a song, but a symbol of love, respect, and deep gratitude towards an arts figure who had paved the way and built a legacy now enjoyed by the new generation.

Throughout the concert, the audience did not just enjoy the musical performances, but also experienced unity through art. Every melody, every song, and every dance step demonstrated the cultural refinement and spirit of harmony between the races, religions, and regions that shape Malaysia as a nation with a unique identity.

As the closing event for the Putrajaya Festival of Ideas 2025, this concert successfully carried the message that art is a unifying language capable of transcending boundaries of difference. In the context of building a high-culture society, Sounds of Malaysia proved that artistic heritage is not merely nostalgia, but a present and future strength that must continue to be preserved and highlighted.
This concert not only succeeded in entertaining, but also expressed appreciation for human values, heritage, and the nation's collective wisdom, making it a valuable and meaningful finale for the festival.


KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Festival
IDEA
Putrajaya


ASEAN
MALAYSIA 2025
KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN


MALAYSIA
MADANI
daya cipta


Visit
Malaysia 2026
Truly Asia

MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

Festival IDEA Putrajaya